

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
(PARIT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.10.2016

Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk memberikan kefahaman kepada belia-belia tentang masalah keberhutangan yang serius khususnya CTOS dan CCRIS.

JAWAPAN

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, isu mengenai masalah keberhutangan yang serius di kalangan belia merupakan isu penting yang sering didebak oleh media massa dan pihak Kerajaan turut memandang serius mengenai perkara ini. Pelbagai usaha menyeluruh diambil oleh pihak Kerajaan untuk mendidik serta memberi kefahaman kepada golongan belia tentang masalah ini. Pengetahuan

dan pendedahan berkenaan pengurusan kewangan telah dilaksanakan sejak di bangku sekolah dengan kerjasama pelbagai pihak bagi melahirkan golongan belia yang celik kewangan.

Bank Negara Malaysia (BNM) yang mengawalselia *Central Credit References Information System* (CCRIS) telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memupuk kesedaran berkenaan pengurusan kewangan sebagai salah satu kemahiran hidup atau *survival skills*, dengan izin agar dapat melahirkan golongan belia yang berkeupayaan untuk mengurus dan membuat keputusan kewangan dengan bijak. Elemen pendidikan kewangan telah diperkenalkan secara berperingkat sejak tahun 2014 ke dalam mata pelajaran teras bagi kurikulum baharu sekolah dan sedang diperkembangkan secara berperingkat. Menjelang tahun 2021, semua peringkat persekolahan rendah dan menengah akan didedahkan dengan kemahiran pengurusan kewangan.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) turut melaksanakan pendidikan kewangan menerusi program pengurusan kewangan peribadi dan taklimat pendidikan kewangan di institut pengajian tinggi (IPT) telah diadakan di seluruh negara. Selain itu, Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (*POWER!*) turut

diperkenalkan sejak tahun 2011 bagi meningkatkan keupayaan kewangan dalam kalangan orang awam. Program POWER! serta program pendidikan kewangan oleh AKPK telah memberi manfaat kepada lebih daripada 1.7 juta individu.

CTOS Data Systems Sdn Bhd (“CTOS”) pula merupakan sebuah agensi pelaporan kredit (APK) yang berdaftar di bawah seliaan Kementerian Kewangan. CTOS menjalankan aktiviti pengumpulan dan penzahiran maklumat kredit yang berfungsi sebagai salah satu sumber rujukan bagi institusi kewangan membuat penilaian kepercayaan kredit atau *credit worthiness*, dengan izin dan risiko bagi permohonan pinjaman. Kesedaran awam berkenaan pelaporan kredit adalah sangat rendah di mana orang awam kurang mengetahui mengenai peranan APK sebagai penyokong kepada permohonan pinjaman dan pengurusan risiko. Untuk itu, Kementerian Kewangan telah mengadakan beberapa jalinan kerjasama dengan CTOS dan APK yang lain dalam penyebaran maklumat berkenaan pelaporan kredit sama ada melalui penyampaian taklimat dan program kesedaran awam di seluruh negeri serta sebaran maklumat melalui media massa.

Selain daripada itu, untuk makluman ahli Yang Berhormat, CTOS turut mengadakan jalinan kerjasama dengan beberapa agensi Kerajaan

yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Suruhanjaya Sekuriti dan Majlis Perbandaran Perda dalam menyampaikan maklumat mengenai hak dan tanggungjawab orang awam sebagai pelanggan serta peranan APK sebagai agensi yang menzahirkan maklumat kredit. Oleh yang demikian, menerusi maklumat-maklumat yang dizahirkan di dalam laporan kredit, orang awam boleh mengawal dan memantau transaksi serta tahap keberhutangan dengan lebih berkesan.